

Trump puji Malaysia tangani isu Kemboja-Thailand

Oleh **JOHANNA MUMTAZ WANPA**
johanna.pa@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump mengiktiraf kejayaan Malaysia dalam memudahkan cara perjanjian gencatan senjata antara Kemboja dan Thailand, sekali gus menjadi pencapaian besar yang memperlihatkan kewibawaan negara serta keteguhan ASEAN.

Menerusi perbualan telefon bersama Trump, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan komitmen Malaysia selaku Pengerusi ASEAN untuk terus memainkan peranan proaktif memastikan keamanan serantau khususnya melibatkan isu Kemboja-Thailand.

“Saya turut sampaikan penghargaan kepada beliau (Trump) atas peranan yang dimainkan oleh Amerika Syarikat dalam memastikan gencatan senjata tersebut tercapai.

“Perbualan telefon ini berlangsung ketika saya menerima kunjungan hormat daripada Wakil Perdagangan Amerika Syarikat (USTR), Jamieson Greer yang kini berada di Malaysia sempena Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) ke-57 dan Mesyuarat Berkaitan,” katanya dalam kenyataan.

Anwar berkata, Malaysia menantikan kehadiran Presiden Trump ke Sidang Kemuncak ASEAN bulan depan yang dija-



ANWAR Ibrahim, dalam perbualan telefon bersama Presiden AS. Donald Trump, semalam. - FB ANWAR IBRAHIM

ngka menjadi platform strategik memperkukuh kerjasama demi keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau.

Perdana Menteri turut menerima kunjungan hormat daripada Wakil Perdagangan Amerika Syarikat (USTR), Jamieson Greer bersama delegasinya sebelah pagi, bersempena kehadiran mereka ke Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) ke-57 dan Mesyuarat Berkaitan yang sedang berlangsung di ibu

negara.

Anwar berkata, pertemuan itu membuka ruang kedua-dua negara untuk bertukar pandangan mengenai hubungan strategik dan kerjasama perdagangan.

Usaha memuktamadkan Perjanjian Perdagangan Timbal Balas antara Malaysia dan Amerika Syarikat yang sedang dirundingkan turut dijangka dapat mendorong ketentuan arah tuju dasar serta peranca-

ngan komuniti perniagaan kedua-dua buah negara.

“Dalam pertemuan ini kami bertukar pandangan berkaitan hubungan strategik kedua-dua buah negara serta ASEAN terutamanya dari perspektif perdagangan.

“Malaysia sebagai negara perdagangan mengamalkan ekonomi terbuka sentiasa mengekalkan hubungan baik dengan semua rakan dagangan sekali gus,” katanya.